

25/03/1997

Hubungan Malaysia, Jepun masuki era baru

TOKYO, Isnin - Hubungan antara Malaysia dan Jepun bersedia untuk memasuki era baru dan mencapai tahap yang lebih tinggi berikutan lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bermula esok, kata Duta Besar Malaysia, Tan Sri Muhammad Khatib Abdul Hamid.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di sini petang esok bagi lawatan rasmi keduanya ke Jepun sejak 1983. Walaupun Dr Mahathir sudah beberapa kali mengunjungi Jepun, yang terbaru Januari lalu untuk mempromosi Koridor raya Multimedia (MSC), ia adalah lawatan tidak rasmi dan lawatan kerja.

Ketika memberi taklimat kepada para wartawan Malaysia, Khatib berkata, Dr Mahathir ke Jepun kali ini sebagai pemimpin sebuah negara yang berjaya yang mahu mempelopori bidang kerjasama baru atas dasar perkongsian.

"Keadaan hari ini adalah jauh berbeza daripada lawatan 1983 semasa kita meminta bantuan pembangunan, pelaburan dalam projek intensif buruh dan ketika baru melancarkan dasar Pandang Ke Timur.

"Kini kita lebih memilih dalam mencari pelaburan asing, memberi keutamaan kepada intensif modal, teknologi tinggi dan industri berat. Sejak 1993, kita juga telah berhenti menerima bantuan pinjaman yen.

"Kita masih mempunyai Dasar Pandang Ke Timur tetapi kini lebih kepada meningkatkan kandungannya, sebagai contoh kita mahu menghantar lebih banyak pelajar untuk pengajian ijazah lanjutan," katanya.

Khatib berkata, rakyat Jepun tidak lagi melihat Malaysia sebagai negara yang `menerima' tetapi sebuah negara maju yang harus dianggap sebagai rakan kongsi.

"Dalam erti kata lain, hubungan itu telah bertambah matang," katanya.

(END)